

CNS4458

R GB 28-04 00134 BH756

AAB

Mahathir - Pertahanan

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Menteri-menteri Pertahanan Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) bahawa Malaysia akan terus menyokong kerjasama itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri bersetuju dengan pendirian menteri-menteri berkenaan bahawa persefahaman pertahanan itu memberikan faedah besar kepada keamanan dan kestabilan rantau ini.

Menurut berkata, Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian semasa pertemuan dengan menteri-menteri berkenaan pada jamuan teh, di Carcosa Seri Negara, di sini hari ini.

Datuk Seri Najib memberitahu pemberita bahawa pada pertemuan itu menteri-menteri berkenaan telah memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai hasil persidangan mereka hari ini.

FPDA, yang diasaskan sejak 20 tahun lepas dianggotai oleh Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia. -- lagi

♥28/04/19-55MST

CNS4460

R GB 28-04 00137 BH757

AAB

Mahathir - Pertahanan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga memaklumkan kepada menteri-menteri itu mengenai penjelasan Perdana Menteri Jepun Encik Toshiki Kaifu berhubung keputusan Jepun menghantar empat buah kapal pembersih periuk api dan dua buah kapal sokongan tentera laut ke Teluk, kata Datuk Seri Najib.

Encik Kaifu kini mengadakan lawatan selama tiga hari ke Malaysia, bermula semalam.

Menteri-menteri Pertahanan itu bagaimanapun tidak membincangkan mengenai penghantaran kapal-kapal itu dalam persidangan mereka, kata Datuk Seri Najib.

Malaysia sudahpun menerima permintaan Jepun supaya kapal-kapal itu berlabuh di Pulau Pinang bagi mendapatkan bekalan seperti air bersih.

Keenam-enam buah kapal itu telahpun meninggalkan pelabuhan mereka bagi perjalanan ke Teluk yang dijangka mengambil masa sebulan. Ia dijangka tiba di Pulau Pinang dalam masa dua hingga tiga minggu lagi. -- Bernama

50MST